

**Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrS/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.**

1.	TAJUK	JAS ARAH PROJEK KUARI DI GUNUNG BONGSU DIHENTIKAN
	SUMBER	BH (28 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

BH AHAD 28 Julai 2024

Nasional

5

JAS arah projek kuari di Gunung Bongsu dihentikan

Aktiviti pembukaan jalan dikhuatiri ancam keselamatan penduduk, jejas alam sekitar

Oleh Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kulim: Jabatan Alam Sekitar (JAS) mengarahkan projek kuari di lot PT 686 kompartmen 28 di Gunung Bongsu yang didakwa penduduk mengancam keselamatan dihentikan.

Pengarah JAS Kedah, Sharifah Zakiah Syed Sahab, berkata pihaknya memberi arahan menghentikan kerja pembukaan tapak bagi tujuan terabit selepas kajian laporan impak alam sekitar (EIA) pada 2017 tamat tempoh pada 2019.

Beliau berkata, JAS sentiasa melakukan pemantauan berkala di lokasi itu termasuk menjalankan pemantauan sekali lagi semalam bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pihak media bagi melihat situasi sebenar di lot berkenaan.

"Pemantauan hari ini (kelma-

rin) berikutan terdapat dakwaan berlaku kerja yang dikhuatiri mengakibatkan pencemaran alam sekitar seperti hakisan. Kita dapati tiada sebarang jentera dan kerja di lakukan, hanya ada bekas jalan yang dibuka.

"JAS turut membuat verifikasi ke atas pematuan Notis Arahan di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 yang dikeluarkan oleh JAS yang mengkehendaki penggerak projek untuk berhenti kerja, kerana kelulusan EIA yang dikeluarkan pada 11 Disember 2017 telah tamat tempoh sah," katanya ketika ditemui selepas tinjauan di lot berkenaan, kelmari.

Sharifah Zakiah berkata, penggerak projek perlu mengemukakan laporan EIA baharu yang lebih komprehensif dan mengambil kira pandangan orang awam sekiranya masih berminat untuk menjalankan sebarang aktiviti di tapak.

Katanya, penduduk kampung tidak perlu bimbang mengenai projek terabit dan diminta melaporkan kepada Jabatan Perhu-

tanan Negeri Kedah (JPNK) dan JAS untuk melakukan siasatan sekiranya curiga berlaku sebarang aktiviti di kompartmen berkenaan.

Terdahulu kira-kira 500 penduduk Kampung Sungai Tegas

Terap di kaki gunung berkenaan mendakwa aktiviti pembukaan jalan bagi projek kuari batu di gunung berkenaan kembali dijalankan April lalu, sekali gus mencetuskan kebimbangan terhadap keselamatan mereka.

Penduduk mendakwa projek itu sudah beberapa kali ditangguhkan sejak ia diluluskan pada 2009.

Menurut penduduk yang mahu dikenali sebagai Jaafar, 43, pihaknya sudah beberapa kali membuat bantahan dan aduan mengenai projek itu kerana kampung terabit paling dekat dengan projek kuari berkenaan iaitu kira-kira empat kilometer.

"Kami bimbang apabila berlaku letupan, batu akan terpelanting ke kawasan penduduk akhirnya ada penduduk yang akan cedera dan mungkin nyawa pun boleh melayang.



Sharifah Zakiah (dua dari kiri) meninjau lot PT 686 kompartmen 28 di Gunung Bongsu, kelmari.

(Foto Wan Nabli Nasir/BH)

"Selain itu, kita bimbang berlaku hakisan jalan dan apabila musim hujan akan berlaku banjir puing seperti di Baling, bukan penduduk kampung ini sahaja akan terkesan, beberapa penduduk kampung lain termasuk di Bandar Baharu hingga Selama, Perak juga akan terkesan," katanya.

Jaafar berkata, beberapa bantahan sudah dilakukan kepada kerajaan negeri dan agensi kerajaan sehingga projek itu mendapat kelulusan EIA pada 2017.

"Pada 2018, kerja penebangan pokok dilakukan untuk pembukaan jalan dilakukan, kita lakukan bantahan sehinggalah mereka berhenti pada 2019.

"Namun, baru-baru ini pada April, terdapat jentera naik dan melakukan kerja di kompartmen berkenaan, kita sekali lagi buat aduan kepada JAS dan JPJK," katanya.

Jejas bekalan air

Seorang lagi penduduk, Md Nasir Ali, 48, berkata penduduk kampung berkenaan sangat ber-

harap projek itu tidak diteruskan kerana ia dibimbangi akan menyebabkan bekalan air tidak penduduk akan terjejas.

Katanya, majoriti penduduk kampung berkenaan bergantung kepada bekalan air dari gunung berkenaan sejak sekian lama selepas tekanan air Syarikat Air Darul Aman (SADA) sangat rendah.

"Kami sudah banyak kali buat aduan, kami harap ia tidak diteruskan sebab boleh menyebabkan kerosakan hutan yg cukup teruk," katanya ketika ditemui di kampung berkenaan.

Che Hasri Che Din, 48, berkata pihaknya sudah membuat perjumpaan dengan pegawai JAS, JPJK dan Perbadanan Menteri Besar (MBI) sebelum ini, namun mendakwa aktiviti membuka jalan kembali dilakukan April lalu.

"Tengok baru-baru ini masuk balik, kita merayu projek ini dihentikan terus. Kami bimbang keselamatan penduduk akan terancam sekiranya ia dilaksanakan kelak," katanya.

2.	TAJUK	PANTAU PERUBAHAN CUACA KESAN LA NINA
	SUMBER	BH (29 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	11 (KOMENTAR)

Pantau perubahan cuaca kesan La Nina



Oleh Prof Madya Dr Haliza Abdul Rahman
bhrencana@bh.com.my

Ketua Laboratori
Bela Dalam
Kepimpinan,
Politik dan
Kewarganegaraan,
Institut Pengajian
Sains Sosial, Universiti
Putra Malaysia

Perubahan cuaca dan peralihan monsun adalah perkara lazim berlaku pada iklim bumi dalam bulan tertentu. Perubahan cuaca ini, termasuk fenomena La Nina yang kini melanda negara.

La Nina mempengaruhi pola curah hujan, tekanan atmosfera dan pusanan atmosfera secara global. Di Malaysia, fenomena La Nina menyebabkan penurunan suhu bawah takat normal antara 25 darjah Celcius berbanding suhu biasa, 27 darjah Celcius.

Secara purata, fenomena La Nina berulang setiap dua hingga lima tahun dan boleh berlaku dalam skala kategori lemah, sederhana dan kuat mengikut darjah penurunan suhu permukaan air laut di bahagian tengah dan timur Laut Pasifik.

Hakikatnya, La Nina mempunyai kuasa menggerakkan, meninggalkan kesan berkekalan terhadap ekosistem dan manusia di bahagian berlainan di dunia.

Malaysia tergolong antara negara mengalami fenomena La Nina disebabkan kedudukannya terletak antara Lautan Pasifik dan Lautan Hindi. Gabungan kitaran lautan dan udara mempunyai

kesan langsung terhadap keadaan cuaca dan iklim.

Setiap episod La Nina adalah unik dan mungkin memberikan impak berbeza. Banjir besar melanda Lembah Klang pada Disember 2021 dan Mac 2022, sementara Baling, Kedah pula mengalami banjir besar pada Julai 2022 adalah antara impak La Nina.

Merujuk Jabatan Meteorologi (METMalaysia), La Nina biasanya membawa keadaan cuaca lebih lembap dijangka bermula antara Julai dan September, lazimnya bertahan antara lima hingga 18 bulan dan dijangka mencapai kemuncak menjelang akhir 2024 dan berterusan pada awal 2025.

Justeru, kemungkinan berlaku banjir adalah tinggi, terutama di kawasan rendah dan menjadi lebih buruk jika berlaku serentak dengan air laut pasang. Di kawasan lain pula berlaku sebaliknya.

Beri kesan kepada petani

Contohnya pada tahun lalu, fenomena La Nina lemah melanda utara tanah air memberi kesan terhadap masalah bekalan air di Kedah. Cuaca kering dan taburan hujan berkurangan menyebabkan kekurangan bekalan air dan sumber air mentah menyusut.

Situasi iklim menambah cabaran ditimbulkan

perubahan iklim, memberi kesan kepada petani yang menjadikan usaha mencapai keterjaminan makanan lebih rumit. Cuaca kering dan panas mengakibatkan hasil padi rendah antara empat hingga lima tan hingga lapan tan sehektar.

Nelayan juga tidak dapat turun ke laut disebabkan ombak besar, angin kencang dan hujan lebat berpanjangan menyebabkan hasil tangkapan ikan berkurangan sehingga berpotensi meningkatkan harga ikan di pasaran.

Kelembapan udara yang tinggi akibat La Nina dapat menjadi medium ideal bagi pembiakan bakteria, virus dan parasit penyebab penyakit, meningkatkan populasi vektor penyakit seperti lalat dan nyamuk berpotensi meningkatkan kes denggi, malaria dan letospirosis.

Natijahnya, pengurusan efektif dan pemantauan berterusan terhadap perubahan cuaca kesan daripada fenomena La Nina penting untuk melindungi alam sekitar dan meminimumkan kesan negatifnya.

Ini boleh dilakukan melalui pemantauan cuaca melalui rangkaian sistem pencerapan METMalaysia radar cuaca serta imej satelit cuaca. Data ini perlu dikemaskini secara kerap dan berkala dalam tempoh singkat bagi membolehkan pemantauan cuaca dapat dilaksanakan secara berkesan.

3.	TAJUK	RELIEF FROM HOT WEATHER : CLOUD-SEEDING IN KEDAH AND PERAK TO START TODAY
	SUMBER	NEW STRAITS TIMES (29 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ENVIRONMENT
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NATION)



People walking across the half-dried lakebed at Tuiping Lake Gardens in Perak. PIC BY L.MANIMARAN

RELIEF FROM HOT WEATHER

Cloud-seeding in Kedah and Perak to start today

KUALA LUMPUR: The federal government will carry out cloud-seeding operations in Perak and Kedah from today until Wednesday, Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi said.

Zahid, who is also the National Disaster Committee chairman, said the operations aimed to increase the water level at the Bukit Merah Dam in Perak and the Muda Dam in Kedah.

He added that the operation was being carried out following a request from the Muda Agricultural Development Authority, the Kerian Integrated Agricultural Development Area and the Kedah State Water Resources Board.

The operation, he said, would be coordinated by the National Disaster Management Agency, the Agriculture and Food Security Ministry, the Malaysian Meteorological Department (MetMalaysia) and the Royal Malaysian Air Force.

"This is one of the government's efforts to address the hot weather phenomenon and the Southwest Monsoon, which are expected to continue until the end of September.

"It follows the forecast made by MetMalaysia, which predicts low rainfall in Kedah and Perak."

MetMalaysia director-general Muhammad Helmi Abdullah recently told a Malay daily that many areas would experience

less rainfall, and open burning should be avoided to reduce the risk of haze.

Zahid said water supply from the Muda Dam was channelled to the Pedu Dam for domestic, industrial, and padi irrigation needs in Kedah.

"As the padi planting season starts near Sungai Muda, there will be conflict between domestic, industrial, and padi irrigation needs. Domestic and industrial needs will be prioritised."

Zahid said, according to the National Water Services Commission, the water reservoir percentage at the Muda and Bukit Merah dams stood at 9.44 per cent and 15.25 per cent, respectively, up to July 26.

4.	TAJUK	DUA FAKTOR PENGARUHI CUACA PANAS, KERING
	SUMBER	BH (31 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NASIONAL)

4

Nasional

Rabu, 31 Julai 2024 BH

Dua faktor pengaruhi cuaca panas, kering



Fenomena iklim semula jadi, kesan taufan Gaemi jadi punca peningkatan suhu di Malaysia

Oleh Ercy Gracella Ajos dan Noorzura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cuaca panas dan kering dialami negara sejak dua minggu lalu, dipercayai dipengaruhi dua faktor, iaitu fenomena iklim semula jadi dan kemungkinan kesan taufan Gaemi yang melanda Filipina dan Taiwan.

Felo Akademi Sains Malaysia, Dr Fredolin Tajudin Tangang, merujuk fenomena iklim semula jadi itu sebagai *Boreal summer intraseasonal oscillation* (BSISO) yang menyebabkan peningkatan suhu dan keadaan kering.

BSISO atau ayunan dalam panas Hemisfera Utara menyebabkan gangguan dalam sistem atmosfera yang bergerak dari Lautan Hindi ke Malaysia dan Sumatera, kemudian ke utara dan mempengaruhi kawasan Laut China Selatan.

Fredolin menjelaskan, pergerakan BSISO boleh dihuraikan dalam urutan fasa satu hingga tujuh dan apabila berada pada fasa lima serta enam, biasanya

pengukuhan tekanan tinggi berlaku di kawasan Malaysia dan Sumatera.

"Pengukuhan tekanan tinggi menyebabkan pencapahan kelembapan, menghalang perolakan tempatan, mengurangkan litupan awan dan hujan serta meningkatkan keamatan pancaran matahari ke permukaan bumi dan peningkatan suhu.

"Menurut Pusat Ramalan Iklim APEC di Busan, Korea pada 24 Julai lalu, BSISO menyebabkan keadaan perolakan terhalang di Malaysia dan kawasan tengah Sumatera dan ia diramal berlarutan sepanjang Ogos nanti," katanya kepada BH.

Katanya, keadaan cuaca panas dan kering juga mungkin kerana Gaemi, taufan kuat yang menyebabkan kelembapan terangkut ke kawasan yang dilanda bencana itu dan menyebabkan Malaysia kurang kelembapan.

"Ini juga menyebabkan atmosfera menjadi lebih stabil, menghalang proses perolakan, mengurangkan litupan awan dan curahan hujan dan seterusnya meningkatkan suhu," katanya.

Ditanya sama ada cuaca pa-



Fredolin Tajudin Tangang



Muhammad Helmi Abdullah

nas boleh berterusan bagi jangka panjang, termasuk sehingga bertahun mendatang, beliau berkata, kebanyakan pusat ramalan cuaca hanya mengeluarkan ramalan untuk tempoh beberapa bulan ke hadapan.

"Bagi Malaysia, untuk beberapa bulan akan datang, kita akan beralih ke musim perantaraan monsun pada September dan Oktober serta musim Monsun Timur Laut pada Disember hingga Februari depan.

"Pusat Ramalan Iklim ramal pada separuh kedua tahun ini akan berlaku La Nina dengan kebarangkalian melebihi 70 peratus pada September nanti. Ia akan jadikan Malaysia dan Asia Tenggara kawasan penumpuan kelembapan dan ini akan meningkatkan curahan hujan, termasuk hujan ekstrem," katanya.

Dijangka hingga September

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Muhammad Helmi Abdullah, dalam satu kenyataan memaklumkan cuaca panas ketika ini yang dipengaruhi musim Monsun Barat Daya, dijangka berterusan sehingga

September depan.

"Bagaimanapun, setakat ini, cuaca di negara ini belum mencapai tahap kemarau. Sepanjang tempoh ini, secara umumnya, kebanyakan kawasan di Malaysia akan alami cuaca kering kerana kurangnya penumpuan udara lembap untuk menghasilkan hujan.

"Monsun Barat Daya lazimnya bawa angin kering dari arah Sumatera dan Kalimantan, mengakibatkan kurang hujan di negara kita. Cuaca akan lebih kering sekiranya berlakunya pembentukan ribut siklon tropika di barat Lautan Pasifik dan Laut China Selatan.

"Bagaimanapun tiada jangkakan pembentukan ribut siklon tropika di Laut China Selatan dan barat Lautan Pasifik dalam masa terdekat," katanya menjelaskan hujan lebih banyak dijangka selepas bermula fasa peralihan monsun sekitar pertengahan September hingga awal November depan.

Muhammad Helmi berkata, hujan masih boleh turun di beberapa tempat dalam kuantiti sederhana, terutama di utara dan pedalaman Semenanjung, Sabah serta Sarawak.

Mengenai keadaan laut di utara Semenanjung yang mengala-

mi ombak tinggi hingga empat meter dan sukar dilalui feri di antara Kuala Kedah dan Kuala Perlis ke Langkawi meskipun negara dilanda cuaca panas, beliau berkata, ia disebabkan penumpuan angin kencang dari Laut Andaman.

"Angin kencang bergerak melintasi Segenting Kra dan utara Semenanjung kerana kehadiran ribut siklon tropika di Laut China Selatan beberapa hari sebelum ini. Ombak sudah kembali normal setelah berakhirnya ancaman ribut siklon tropika berkenaan," katanya.

Mengenai beberapa kawasan tadahan air di Kelantan, Pulau Pinang seperti Sungai Muda, Kedah terutama Tasik Pedu dan Perak seperti Taman Tasik Taiping yang kering kontang, katanya, ia mungkin berkait rapat dengan fenomena El-Nino kuat sejak pertengahan 2023 sehingga bulan lalu.

"Ia berlarutan kerana bersambung pula dengan musim Monsun Barat Daya yang lazimnya bawa cuaca lebih kering. El-Nino selalu dikaitkan dengan cuaca kering. La Nina pula yang dijangka bermula September ini sehingga pertengahan 2024, lazimnya bawa cuaca lebih lembap ke negara kita," katanya.

5.	TAJUK	KAMPUNG LAMA DI EMPANGAN PEDU TIMBUL AKIBAT PARAS AIR SUSUT
	SUMBER	BH (31 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	4 (NASIONAL)

Kampung lama di Empangan Pedu timbul akibat paras air susut

Kuala Nerang: Penyusutan paras air di Empangan Pedu sejak hampir sebulan lalu menyaksikan perkampungan lama dikenali Kampung Mong Gajah yang ditenggelamkan bagi memberi laluan pembinaan infrastruktur itu puluhan tahun lalu, timbul dan menarik kunjungan ramai.

Tinjauan mendapati kawasan empangan dan bekas perkampungan itu yang dikosongkan sekitar 1970-an, mula dikunjungi orang ramai sejak air takungan surut kira-kira tiga minggu

lalu. Ada sekadar bersiar-siar, ada juga ambil kesempatan mencari lokan.

Halimah Razak, 38, berkata dia bersama anak perempuan berusia empat tahun, Farisha Ismail serta jiran dari Kampung Kota Aur, Sik, dekat sini menunggang motosikal selama kira-kira 20 minit untuk masuk ke kawasan empangan mencari lokan sebanyak mungkin.

“Lokan ada di pesisiran yang masih ada air, anak paling bersemangat dan teruja setiap kali diajak ke sini.



Penduduk mencari lokan di Empangan Pedu akibat paras air menyusut.

(Foto Wan Nabil Nasir/BH)

“Selalunya tak sampai setengah jam kami sudah boleh penuhkan satu plastik beg besar lima kilogram, cuma perlu berhati-hati kerana kawasan di sini berselut,” katanya.

Jiran sekampung, Indon Mad Daya, 71, memberitahu lokan yang diperoleh akan dibawa pulang untuk dijadikan lauk selepas dibersihkan dan dikopek isinya, dengan rasa hampir sama

seperti kerang dan siput lain.

Ibu tunggal, Siti Rahmah Mad Doyah, 62, juga tidak melepaskan peluang menikmati keindahan alam semula jadi sambil mencari lokan di kawasan itu yang akan ‘muncul’ beberapa tahun sekali apabila air empangan kering.

“Bukan selalu dapat peluang seperti ini (empangan kering), mungkin tiga atau empat tahun

lagi baru dapat jejak kaki lagi ke sini,” katanya.

Mengikut Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), semalam paras air di Empangan Muda terus menyusut kepada 8.44 peratus, manakala Empangan Pedu sebanyak 40.28 peratus dan Empangan Ahning, 81.97 peratus dengan purata keseluruhan takungan air bagi ketiga-tiga empangan adalah 44.63 peratus.

6.	TAJUK	IMPAK FENOMENA IKLIM BSISO
	SUMBER	BH (31 JULAI 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	5 (NASIONAL)

Impak fenomena iklim BSISO

Fenomena iklim semula jadi iaitu Ayunan Dalam Musiman Musim Panas Hemisfera Utara (BSISO) menyebabkan peningkatan suhu dan keadaan kering seperti dialami negara ini sejak dua minggu lalu. Ayunan menyebabkan gangguan dalam sistem atmosfera yang bergerak dari Lautan Hindi ke kawasan Malaysia dan Sumatera, kemudian bergerak ke utara mempengaruhi kawasan Laut China Selatan. Sepanjang tempoh ini, secara umumnya kebanyakan kawasan di Malaysia akan mengalami cuaca kering berikutan kurangnya penumpuan udara lembap untuk menghasilkan hujan



Empangan Timah Tasoh

Cuaca panas dan kemarau ketika ini menyaksikan bekalan air di Empangan Timah Tasoh di Padang Besar yang berfungsi sebagai takungan bekalan air domestik dan pengairan pertanian terus menyusut sehingga paras bawah 27.10 meter.



Empangan Ahning

Mengikut rekod laman web MADA semalam, paras air di Empangan Ahning terus menyusut dan hanya tinggal 81.97 peratus.



Empangan Muda, Sik

Mengikut rekod laman web MADA semalam, paras air di Empangan Muda terus menyusut dan hanya tinggal 8.44 peratus.

Empangan Beris, Sik

Takungan air di empangan ini dijangka dapat bertahan sehingga September depan bagi menampung bekalan air domestik untuk Kedah dan Pulau Pinang.



Empangan Pedu, Padang Terap

Paras Empangan Pedu yang semakin menyusut menyebabkan perkampungan lama yang dikenali sebagai Kampung Mong Gajah kembali timbul sejak hampir sebulan lalu.



Sungai Muda

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) merayu pengguna air di negeri itu mengurangkan penggunaan air sebanyak 10 peratus sehingga musim hujan yang dijangka bermula September depan.



Tasik Bukit Merah

Akibat paras air yang kritikal di Tasik Bukit Merah selepas mencatatkan 6.325 meter pada Selasa, bekalan air ke sawah yang terpaksa dihentikan sejak 28 Jun lalu sehingga kini mengakibatkan hampir 5,000 hektar sawah di daerah Kerian, Bagan Serai terjejas.



Taman Tasik Taiping

Biarpun dikenali sebagai 'Bandar Hujan' kerana menerima taburan hujan paling tinggi, bandar Taiping tidak terkecuali daripada terkena tempas musim kemarau yang sedang berlaku ketika ini. Beberapa kawasan sekitar Taman Tasik Taiping kering kontang sehingga orang ramai boleh berjalan di dasar tasik itu.



Sungai Tembeling

Paras air semakin beransur surut dan mulai cetek serta beberapa kawasan mula muncul beting pasir kira-kira 50 hingga 80 meter panjang akibat musim kemarau di kawasan Ulu Tembeling.



Sungai Segamat

Sungai Segamat yang diibarat lubuk 'emas' bagi nelayan ikan air tawar sunyi daripada sebarang aktiviti penangkapan ikan berikutan air surut disebabkan musim kemarau.

7.	TAJUK	TANGANI CABARAN ALAM SEKITAR, SOSIAL, TADBIR URUS SEKTOR PERKAPALAN
	SUMBER	BH (2 OGOS 2024)
	BIDANG PERKARA/SUBJEK	ALAM SEKITAR
	MUKA SURAT/RUANGAN	12 (RENCANA)

Tangani cabaran alam sekitar, sosial, tadbir urus sektor perkapalan

• Langkah proaktif integrasikan ESG perlu diambil kerana Bank Dunia senaraikan Malaysia sebagai pengeluaran gas rumah hijau ketiga tertinggi per kapita di Asia Tenggara selepas Brunei, Singapura

• Keadaan landskap dan ekonomi berbeza di setiap pelabuhan sukarkan generalisasi ESG kerana setiap sektor perkapalan mempunyai keutamaan berbeza, membawa kepada kadar keberkesanan berlainan



Oleh Prof Madya Dr Syuhaida Ismail dan Wan Muhammad Amirul Amin Md Akhir
bhrencana@bh.com.my



Syuhaida adalah Pengarah Penyelidikan, Institut Maritim Malaysia (MIMA), manakala Wan Muhammad Amirul adalah Pembantu Pengarah Penyelidikan MIMA

Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) kekal antara 20 pelabuhan paling sibuk di dunia dengan bilangan kontena 14.06 juta unit bersama 20 kaki (TEU) dan 10.48 juta TEU pada 2023.

Namun peningkatan operasi pelabuhan dan perkapalan turut meningkatkan impak kepada alam sekitar, justeru mendesak amalan kemampanan dalam sektor ini.

Kemampanan sering dikaitkan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) terutama dalam sektor kewangan serta pelaburan. Namun, adakah prinsip sama mampu diintegrasikan secara berkesinambungan dalam sektor perkapalan?

Kajian Institut Maritim Malaysia (MIMA) sebagai Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Polisi Maritim di bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) mendapati masyarakat Malaysia berpendapat ESG masih baharu di negara ini.

Hakikatnya, ESG sudah bertapak seawal 2012 menerusi Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia mengesyorkan pelaksanaan ESG dalam laporan tahunan firma di negara ini.

Walaupun ESG diperkenalkan menerusi Laporan Freshfields pada 2005, ESG mula mendapat perhatian 10 tahun kemudian apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mencadangkan industri untuk berkongsi pelaporan ESG menjelang 2030.

Seruan ini disahut apabila IE University Madrid menyenaraikan lapan industri menerima pulangan saham lebih tinggi menerusi amalan ESG, iaitu industri makanan dan minuman, diikuti tenaga, penjagaan kesihatan, utiliti, teknologi, barangan modal, bahan dan pengangkutan.

Menyadari kepentingan ESG, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semasa pelancaran Asia ESG Positive Impact Consortium baru-baru ini menekankan keperluan anjakan minda dalam kalangan pegerak industri, perniagaan dan kerajaan serta masyarakat, selain perubahan peraturan dalam mengintegrasikan prinsip ESG.

Sektor perkapalan hanya melepaskan 2.2 peratus gas rumah hijau (GHG) global setiap tahun. Namun, Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) menjangkakan peningkatan kepada 90 peratus hingga 130 peratus berbanding pelepasan GHG pada 2008 menjelang 2050 sekiranya tiada tindakan bagi mengurangkan jejak karbon ini.

Justeru, kajian MIMA mencadangkan prinsip ESG mampu menyediakan pendekatan berstruktur untuk mencapai matlamat ini. Cadangan ini tepat pada masanya apabila IMO menetapkan sasaran pengurangan pelepasan GHG kepada 20 peratus hingga 30 peratus menjelang 2030 dan 70 peratus hingga 80 peratus (2040) berbanding 2008.

Sektor perkapalan perlu mengambil langkah proaktif dalam mengintegrasikan ESG memandangkan Bank Dunia pada 2020 menyenaraikan Malaysia sebagai pengeluar pelepasan GHG ketiga tertinggi per kapita di Asia Tenggara selepas Brunei dan Singapura pada kadar 313,020 kiloton pelepasan karbon dioksida (ktCO₂e).

Malah, kajian Universiti UCSI pada 2021 mendapati 12.45 peratus daripada pelepasan GHG di negara ini disumbangkan pelabuhan utama.

Kebimbangan alam sekitar atau 'E' sering mendominasi agenda ESG. Namun, aspek sosial (S) dan tadbir urus (G) sama pentingnya. Aspek S termasuklah memperbaiki keadaan kerja, memastikan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan serta mempromosikan kepelbagaian jantina dalam sektor perkapalan yang kini hanya mencatatkan 1.2 peratus pembabitin wanita.

Aspek G pula membabitkan rangka kerja kukuh untuk pematuhan, akauntabiliti dan ketelusan ke arah kelestarian jangka panjang. Manfaat integrasi ESG jelas apabila industri tenaga boleh diperbaharui dan teknologi bersih mendahului amalan ESG di negara ini yang kini mencapai kapasiti 25 peratus dan semakin hampir dengan sasaran 31 peratus jumlah kapasiti terpasang negara menjelang 2025.

Kadar keberkesanan berlainan
Namun, kajian MIMA mendapati integrasi ESG dalam sektor perkapalan di negara ini menghadapi beberapa cabaran.

Ini termasuk cabaran menetapkan nilai wang, iaitu proses menentukan nilai atau harga sesuatu aset, pelaburan atau perkhidmatan kepada operasi pelabuhan dan perkapalan membabitkan kos serta faedah tidak langsung, seperti kesan alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi jangka panjang kerana kekurangan maklumat harga pasaran jelas dan tepat.

Malah, pengalaman MIMA dalam kajian polisi maritim di ASEAN mendapati data terkini boleh dipercayai mengenai kos dan manfaat perkhidmatan perkapalan serta pelabuhan adalah terhad dan tidak konsisten ekoran perbezaan kaedah pengumpulan data.

Cabaran lain adalah apabila keadaan landskap dan ekonomi berbeza di setiap pelabuhan menyukarkan generalisasi ESG di negara ini. Malah, setiap sektor perkapalan mempunyai keutamaan berbeza, membawa kepada kadar keberkesanan ESG berlainan.

Operasi perkapalan membabitkan lebih 50,000 kapal dagang antarabangsa didaftarkan di lebih 150 negara dan dikendalikan lebih 1 juta pelaut dari setiap kewarganegaraan di dunia turut menjadi cabaran untuk menyeragamkan ESG dalam sektor ini.

Malah, perbezaan dalam infrastruktur dan teknologi pelabuhan turut menjejaskan keberkesanan ESG.

Namun, MOT optimis cabaran integrasi ESG ini mampu ditangani melalui kerjasama antara pemain industri, pengawal selia dan institusi kewangan.

Institusi kewangan berperanan melalui pinjaman dan pelaburan berasaskan kriteria ESG. Sebagai pemintjan, pemilik kapal akan disaring berdasarkan pelaburan tematik dan usaha memperbaiki prestasi ESG mereka melalui pelaporan ESG.

Justeru, sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) ke arah pelepasan sifar bersih, sektor perkapalan tanah air perlu meningkatkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk teknologi rendah karbon serta bahan bakar alternatif, selain konsisten dalam mematuhi konvensyen maritim antarabangsa IMO.

Malah, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan dan Pelabuhan Bintulu, misalnya masing-masing menerusi Sustainability Framework & Targets: Together towards a Sustainable Future, Green Port Policy of Kuantan Port 2021-2030 dan Bintulu Port Smart Digital Masterplan sudah mengintegrasikan ESG dalam operasi pelabuhan mereka.

Melalui pembabitin kolektif pelbagai pihak, prinsip ESG mampu mentransformasikan sektor perkapalan. ESG menyumbang kepada pembentukan negara lebih adil, maju dan sejahtera, sesuai dengan Malaysia MADANI meletakkan kemampanan sebagai antara prinsip terasnya ke arah pembangunan ekonomi inklusif dan mampan.



Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustafa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**